

**PENGUASAAN TULISAN JAWI DI KALANGAN MAHASISWA
PENGAJIAN ISLAM: KAJIAN DI INSTITUT PENGAJIAN
TINGGI AWAM (IPTA) TEMPATAN**

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid*
Niswa @ Noralina binti Abdullah**

Abstrak

Walaupun berbagai usaha dan kempen telah dijalankan oleh agensi kerajaan dan swasta untuk mengembalikan minat masyarakat terhadap tulisan jawi, namun usaha itu masih belum menampakkan suatu pencapaian yang membanggakan. Apa yang menyedihkan lagi, golongan yang diharap dapat mengembangluaskan penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan sehari-hari serta memupuk kecintaan terhadap tulisan ini tidak begitu berminat untuk menggunakaninya. Golongan yang dimaksudkan itu adalah golongan agama yang terdiri dari mahasiswa pengajian Islam yang telah menamatkan pengajian atau masih bergelar mahasiswa. Kajian ini memfokuskan kepada mahasiswa pengajian Islam dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan yang dipilih secara rawak di beberapa IPTA terpilih untuk melihat keupayaan dan penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan sehari-hari yang boleh menjadi pengukur kepada pencapaian usaha mengembalikan kecintaan masyarakat terhadap tulisan Jawi.

Kata kunci: Tulisan Jawi, Mahasiswa Malaysia

Abstract

Despite the endless efforts and campaigns carried out by the government and private agencies in order to bring back the interest of the community towards the national writing heritage, the results of these labours are yet to be seen. What makes the situation worse is the fact that the people who are capable of spreading the use of the Jawi writing have little interest in doing so. These people refer to those with religious expertise, whether higher-level institution graduates or students who are yet to graduate. This research focuses on Islamic education graduates from the local universities who are randomly chosen from a number of IPTAs, in order to see the capabilities and uses of the Jawi writing in our daily life which will help measure the level of achievement in the efforts of bringing back the love of the people of the country towards the Jawi writing.

Keywords: Jawi Writing, Malaysian Students

* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, M.Us adalah pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

** Niswa @ Noralina binti Abdullah adalah pelajar Sarjana di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Pendahuluan

Kedatangan Islam ke Nusantara telah mengubah dan mewarnai sistem peradaban Melayu dengan nilai-nilai berteraskan ajaran Islam yang sebenar. Unsur-unsur ajaran dan pengamalan budaya Hindu-Buddha mula terhakis sedikit demi sedikit seterusnya memberi ruang kepada agama Islam untuk membentuk jati diri bangsa Melayu. Islam telah membawa semangat nasionalisme dan intelektualisme di kalangan masyarakat Melayu malah memberi pengaruh kepada kebudayaan Melayu iaitu bahasa dan tulisannya.

Masyarakat Melayu mula mengenali tulisan sebelum kedatangan Islam berikutan penemuan beberapa batu bersurat pada zaman Sriwijaya seperti Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M), Kota Kapur (686 M) dan Talang Tuwo (684 M).¹ Penggunaan Bahasa Melayu kuno dan aksara-aksara Kawi dan Pallava pada ketiga-tiga batu bersurat ini jelas menunjukkan wujudnya tradisi penulisan pada zaman Sriwijaya dan pra-Islam bagi menjalankan urusan pentadbiran negara dan hubungan diplomatik. Walau bagaimanapun, tradisi penulisan ini hanya berkembang di kalangan para rahib Hindu dan jurutulis istana sahaja serta terhad kepada rakyat jelata.²

Abad ke-14 Masihi yang merupakan zaman peralihan telah mula menampakkan fungsi bahasa Melayu iaitu dengan menebalnya pengaruh Arab dan menipisnya pengaruh India.³ Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303 Masihi bersamaan 702 Hijrah yang ditulis sepenuhnya di dalam bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Arab. Oleh itu, bermulalah perkembangan bahasa Melayu dengan meminjam huruf-huruf Arab dan dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sama ada dikekalkan sebutan dan ejaannya mahupun diserapkan dan disesuaikan lafadz serta ejaannya dengan lidah sebutan Melayu. Contohnya kata-kata yang dikekalkan ialah *Allah, malaikat, nabi, rasul, kitab, kalam* dan sebagainya.⁴ Rentetan daripada itu maka lahirlah satu tulisan yang disebut sebagai tulisan Jawi.

¹ Muhammad Bukhari Lubis, *et. al* (2006), *Tulisan Jawi Sehimpunan Kajian*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM, h.1.

² *Ibid*, h. 3.

³ Harun Jaafar (2004), *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*, Tanjong Malim: Pusat Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 23.

⁴ Amat Juhari Moain (1996), *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.16.

Tulisan Jawi merupakan warisan peradaban Melayu yang telah diadaptasi daripada abjad-abjad Arab dan disesuaikan dengan sebutan di dalam bahasa Melayu. Hasilnya, tulisan Jawi berkembang pesat di alam Melayu selaras dengan perkembangan agama Islam dan seterusnya menjadi satu alat untuk merakam segala aktiviti pentadbiran, keagamaaan, kesusasteraan dan sebagainya. Sejarah tulisan Jawi telah hampir 700 tahun lamanya bertapak di hati orang-orang Melayu. Dalam dua abad kebelakangan ini tulisan Jawi sudah berkembang pesat seiring dengan perkembangan agama Islam dan bangsa Melayu. Walau bagaimanapun, zaman kegemilangan tulisan Jawi di Kepulauan Melayu tidak kekal lama. Hal ini kerana, selepas kedatangan penjajah Eropah ke Tanah Melayu, mereka mula menubuhkan sekolah-sekolah Melayu dengan memperkenalkan tulisan rumi.⁵

Pada awal kemerdekaan Tanah Melayu, tulisan Jawi masih lagi banyak digunakan oleh orang Melayu sama ada untuk urusan harian mahupun untuk proses pembelajaran dan pengajaran. Ianya masih digunakan di sekolah-sekolah dan majoriti orang Melayu menguasai tulisan tersebut. Namun, dengan perubahan masa dan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan yang memerintah, penguasaan tulisan Jawi di kalangan orang Melayu terutamanya generasi muda makin terhakis. Mata pelajaran Jawi hanya menjadi mata pelajaran sampingan dan hanya para pelajar aliran agama sahaja yang menggunakaninya. Itupun dalam mata pelajaran yang berkait dengan agama Islam sahaja. Keadaan ini telah menyebabkan kemahiran Jawi di kalangan orang Melayu Islam kian terpinggir.

Ekoran daripada itu, tulisan Jawi mulai tergugat dan tidak mendapat perhatian serta penggunaan yang sewajarnya di kalangan masyarakat. Selain itu, punca-punca kemalapannya juga adalah disebabkan oleh kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem ejaan tulisan Jawi itu sendiri yang dilihat mempunyai kekurangan dari sudut huruf-huruf saksi atau vokal bagi melambangkan bunyi bahasa Melayu. Tetapi jika diteliti hanya kira-kira 60 patah perkataan sahaja yang terdapat kelemahan itupun adalah bertujuan untuk mengekalkan dan memelihara warisan lama.⁶

⁵ Harun Aminurrashid (1966), *Kajian Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu*, Singapura: Pustaka Melayu Malaysia Press Limited, h. 154

⁶ Hamdan Haji Abdul Rahman (1984), “Tulisan Jawi dan Peranannya di Dalam Kebudayaan Melayu”, (*Bengkel Islam, Bahasa Persuratan Melayu*, 25 Mac 1984), h. 13.

Oleh hal yang demikian, maka Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 telah membuat ketetapan untuk menjadikan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi kebangsaan yang memutuskan bahawa “*tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenal dengan nama tulisan Jawi*”.⁷

Semenjak dari itu, tulisan Jawi mulai mengalami kemerosotan kerana pendidikan tersebut mengutamakan tulisan Rumi yang secara automatik menggugat tulisan Jawi. Kemunculan beberapa tokoh Melayu yang terpengaruh dengan kesan propaganda perubahan tulisan di Turki menerima desakan penjajah telah meniupkan semangat penerimaan tulisan Rumi atas nama mencari kemajuan di Malaysia.⁸ Disusuli pula dengan Memorandum Asas 50 yang merupakan sebuah badan bahasa dan persuratan Melayu yang bercita-cita dan berusaha untuk meningkatkan bahasa dan kesusastraan Melayu. Pada waktu yang sama ia juga turut menunjukkan sikap mengutamakan tulisan Rumi. Memorandum Asas 50 menyatakan bahawa “... sejak mula (mereka) berpendapat bahawa tulisan Rumilah tulisan yang paling sesuai dan praktis untuk bahasa Melayu sekarang dan akan datang ...”.⁹

Sehinggalah ke hari ini, penggunaan tulisan Jawi dilihat semakin malap daripada pandangan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh penggunaan tulisan Jawi tidak lagi diaplikasikan oleh masyarakat Melayu itu sendiri dan tidak lagi prihatin terhadap penggunaannya. Walaupun terdapat beberapa usaha untuk mengembalikan kegemilangan tulisan Jawi, namun usaha tersebut tidak memperlihatkan kesan sebagaimana yang diharapkan. Selepas penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 22 Jun 1956 dan pengisytiharan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1963 maka berlaku perubahan besar terhadap tulisan Jawi. Kitab-kitab agama, majalah-majalah dakwah dan sebagainya yang dahulunya menggunakan tulisan Jawi tidak diterbitkan lagi dengan tulisan Jawi sebaliknya digantikan dengan tulisan rumi.

Walaupun begitu, terdapat juga usaha untuk mempertahankan tulisan ini iaitu pada tahun 1985 Kementerian Pelajaran dengan memahami kepentingan warisannya ini telah mewajibkan pelajaran tulisan Jawi di

⁷ Hamdan Abdul Rahman (November 2003), *Imbasan Sejarah Pemeriksaan dan Pemungutan Tulisan Jawi*, Majalah Pelita Bahasa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.21.

⁸ Pak Matlob (31 Mac 2002), "Pandangan Konstruktif Mengenai Tulisan Jawi ", (Berita Mingguan, h. 18).

⁹ Asraf dan Osman Awang (1962), *Memoranda Asas 50*, h. 13-14.

sekolah rendah agama. Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1992 iaitu dengan memasukkan pelajaran Jawi ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang memberi tumpuan kepada kemahiran membaca dan menulis Jawi dan tulisan ini hanya diajar dalam subjek pendidikan Islam dan bukannya subjek bahasa Melayu.¹⁰ Selain itu, pada tahun 2004 kerajaan telah memperkenalkan program J-Qaf di sekolah rendah bagi meningkatkan penguasaan tulisan Jawi, fardhu ain dan al-Qur'an.

Pendekatan yang dijalankan merupakan usaha mempertahankan tulisan Jawi daripada terus merosot, namun begitu usaha-usaha yang dilakukan tidak menampakkan kesan yang besar dalam membentuk generasi celik Jawi. Kegagalan membaca al-Qur'an dengan lancar adalah berpunca daripada kelemahan menguasai tulisan Jawi dan menyebabkan percubaan merumikkan al-Qur'an.¹¹ Dalam perkembangan terkini kemerosotan terhadap penggunaan dan kemahiran tulisan Jawi bukan saja terdapat di kalangan pelajar sekolah aliran biasa¹² malah di kalangan para pelajar sekolah agama juga tidak mampunya kemahiran yang membanggakan dalam tulisan Jawi. Malah, kecenderungan mereka menggunakan tulisan Jawi dalam aktiviti harian sama ada mencatat nota, menulis, membaca dan sebagainya amat rendah sekali.

Oleh itu, penulis cuba untuk menyingkap apakah faktor sebenar yang menyebabkan para pelajar sekolah agama sama ada Sekolah Agama Kebangsaan (SMKA) atau sekolah agama swasta dan rakyat tidak begitu mahir dan meminati tulisan Jawi sedangkan mereka adalah generasi pelapis yang akan mempertahankan warisan budaya bangsa berdasarkan perkaitan rapat tulisan Jawi dengan pengajian Islam. Kelemahan di kalangan para pelajar agama dalam menguasai tulisan dan pembacaan Jawi amat terserlah sepanjang penulis mengendalikan kursus ISEU 2103 Warisan Islam di Malaysia selama dua tahun di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam. Terdapat sebilangan besar para mahasiswa yang mengambil kursus tersebut tidak mampu membaca tulisan Jawi lama dengan baik dan lancar terutama apabila membaca kitab dan manuskrip Melayu tulisan para ulama' silam.

¹⁰ Hashim Musa (2007), "Tulisan Jawi dan Kesan Keintelektual Alam Melayu", (*Kertas Kerja Seminar Aksara Menjejaki Tulisan Melayu*, Kerjasama Persatuan Guru Bahasa Melayu dan Lembaga Perpustakaan Negara, 10 Mac 2007), h.21.

¹¹ Siddiq Fadzil (2008), "Tulisan Jawi : Peranannya Dalam Penyebaran Islam", (*Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi Dan Terjemahan*, Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris), h.6.

¹² Yang dimaksudkan dengan aliran biasa ialah sekolah kebangsaan sama ada rendah dan menengah harian kerajaan.

Menyedari akan hakikat ini, kajian ini telah dirangka untuk mengkaji tahap kemahiran Jawi dan penggunaannya di kalangan mahasiswa-mahasiswa pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh Malaysia. Bagi mendapatkan data-data yang berkaitan sampel kajian hanya dipilih di kalangan mahasiswa yang menuntut di IPTA sekitar Lembah Kelang. Pemilihan ini dirasakan memadai untuk mewakili keseluruhan populasi kajian kerana para penuntut yang belajar dalam jurusan pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah terdiri dari seluruh negeri di Malaysia.

Sorotan Penulisan Awal

Pengkajian berkaitan tulisan Jawi seringkali dijalankan oleh tokoh-tokoh sarjana tempatan mahupun luar negara. Nama-nama seperti Kang Kyoung Seok, Hashim bin Musa, Muhammad Bukhari bin Lubis, Tuan Haji Hamdan bin Haji Abdul Rahman, Mohamad @ Mokhtar Taib (Pak Matlob) dan ramai lagi merupakan golongan yang berusaha mengembalikan kegembilangan tulisan Jawi. Jika ditinjau dari pengkajian sebelum ini, penulis mendapati terdapat beberapa kajian mengenai tulisan Jawi seperti sejarah perkembangan, tahap penguasaan dan penggunaan, terjemahan teks, dan sebagainya telah cuba diketengahkan oleh pengkaji terdahulu sama ada dalam bentuk diskriptif sejarah perkembangan atau analisis kandungan. Berikut ialah beberapa kajian terdahulu yang melibatkan beberapa kaedah pengkajian dan pemilihan sampel.

Terdapat satu kajian berkaitan tulisan Jawi yang difokuskan kepada para mahasiswa telah dijalankan di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia seperti Universiti Utara Malaysia yang memfokuskan kepada mahasiswa Melayu sahaja. Kajian ini menerima maklum balas daripada hasil edaran borang soal selidik sebanyak 236 set. Melihat kepada hasil analisis yang telah diperolehi, keupayaan para mahasiswa ini menggunakan tulisan Jawi adalah didasari oleh sistem persekolahan agama, pekerjaan ibu bapa, dapat menguasai bacaan al-Qur'an, membaca surat khabar bertulisan Jawi dan mempunyai minat untuk mempelajarinya.¹³ Kekerapan menggunakan tulisan Jawi mempunyai hubungan yang signifikan dengan memenangi anugerah dalam bacaan al-Qur'an, kekerapan membaca akhbar, minat mendalam tulisan Jawi dan media merupakan medium utama untuk mempelajari tulisan Jawi.¹⁴

¹³ Mustaffa bin Haji Daud, *et .al* (1993), "Persepsi Pelajar Islam di Universiti Pengajian Tinggi Terhadap Penggunaan Tulisan Jawi: Kajian Kes di Universiti Utara Malaysia", (*Kertas Kerja Seminar Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan*, Jitra Kedah Darul Aman), h.5.

¹⁴ *Ibid*, h. 5.

Di samping itu, kajian yang seterusnya menyentuh aspek kaedah ejaan Jawi baru di kalangan para siswazah pengajian Islam yang telah tamat pengajian sama ada di institusi dalam dan luar negara. Kajian ini juga menggunakan edaran borang soal selidik sebanyak 52 yang terdiri daripada 18 orang responden lelaki dan seramai 34 orang responden perempuan.¹⁵ Manakala bilangan siswazah yang mendapat pendidikan di dalam negeri ialah sebanyak 37 (71.2%) dan 15 (28.8%) adalah siswazah lepasan ijazah luar negeri. Pihak pengkaji telah mendapati para siswazah tersebut mempunyai keupayaan yang sederhana dalam aspek pembudayaan tulisan Jawi seperti pengambilan nota di dalam kelas atau membuat kerja kursus (61.40%), amalan membaca surat khabar Jawi (50.6%) dan menjawab soalan peperiksaan menggunakan tulisan Jawi (72.20%).¹⁶

Berbalik kepada objektif kajian iaitu mengkaji tahap pencapaian kaedah Jawi baru, penulis mendapati 50% daripada para siswazah tersebut berada pada tahap lemah dan 48.8% masih di tahap sederhana. Hasil kajian yang diperolehi ialah para siswazah tersebut masih keliru dengan kaedah ejaan Jawi baru yang diperkenalkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) dan mengakibatkan wujudnya kelemahan dalam penguasaan dan penggunaan tulisan Jawi.

Manakala, kajian lain pula memberi fokus kepada aspek kemahiran tulisan Jawi juga melibatkan golongan mahasiswa seramai 40 orang yang dipilih secara rawak di beberapa fakulti terbabit. Golongan mahasiswa ini memberi persepsi yang positif dalam usaha membudayakan tulisan Jawi. Berdasarkan maklum balas yang diterima 39 orang responden mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan perkembangan tulisan Jawi secara umum, 31 orang berminat untuk mempelajari dan mempraktikkan tulisan Jawi, 36 orang bersetuju bahawa kemahiran tulisan Jawi telah memberi kepada mereka nilai tambah dan menjadi kebanggaan peribadi, 24 orang memberi keyakinan bahawa golongan mahasiswa adalah penyambung kepada warisan tulisan Jawi dan 16 orang responden berada dalam keadaan tidak pasti.¹⁷

¹⁵ Misnan bin Jemali (2008), “Tahap Penguasaan Jawi Baru Kalangan Pelajar SiswaZah Pengajian Islam”, (*Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan*, Universiti Pendidikan Sultan Idris), h. 3.

¹⁶ *Ibid*, h. 5.

¹⁷ Rosfazila Abd. Rahman *et. al* (2008), “Kemahiran Tulisan Jawi Dalam Kalangan Mahasiswa: Tinjauan Awal di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor (KUIS)”, (*Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan*, Universiti Pendidikan Sultan Idris), h. 65.

Selain itu, pengkajian ini telah mendapati setiap item kajian seperti dapat mengenal abjad-abjad Jawi dengan baik, mampu menulis dan memahami teks tulisan Jawi dengan baik ialah sebanyak 37 orang responden yang mewakili ketiga-tiga item tersebut. Seterusnya, sebanyak 36 orang responden boleh menterjemah teks dan perkataan tulisan jawi serta 39 orang lagi boleh membaca tulisan Jawi.¹⁸

Pada tahun 2002, kajian berkaitan penggunaan tulisan Jawi di kalangan mahasiswa pengajian Islam telah dijalankan oleh Mohd Jamil bin Haron. Sebanyak 24 set borang soal selidik telah diedarkan secara rawak yang terdiri daripada 12 orang lelaki dan 12 orang perempuan.¹⁹ Keupayaan menggunakan tulisan Jawi melalui penulisan berada pada tahap yang baik iaitu sebanyak 67% dan tahap sederhana sebanyak 33%. Manakala, keupayaan membaca, terdapat 83% orang responden mampu membaca tulisan Jawi dengan baik dan 17% berada pada tahap sederhana.²⁰ Dari aspek pembudayaan tulisan Jawi, responden lebih cenderung menggunakan tulisan rumi kerana lebih mudah, cepat dan efektif berbanding tulisan Jawi yang tidak bersifat global. Sebagai rumusannya, hasil yang diperolehi ialah para penggunaan tulisan Jawi di kalangan mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya berada pada tahap sederhana dan memerlukan suatu usaha untuk memperkasakan kembali tulisan warisan tersebut.

Isahak Haron telah menjalankan kajiannya terhadap murid-murid sekolah rendah secara berterusan iaitu pada Februari 2007, Julai 2007 dan sekolah menengah pada Januari 2008 bagi melihat sejauh mana keberkesanan kaedah gabungan bunyi kata dalam pengajaran Jawi pada peringkat awal dan pemulihan di beberapa negeri terpilih. Ujian pertama pada Februari 2007 mendapati bahawa 60% murid tahun empat dan tahun lima di 18 buah sekolah tidak dapat menulis dan membaca tulisan Jawi walaupun pada peringkat asas. Manakala, ujian yang kedua pada Julai 2007 pula terdapat sedikit peningkatan dan masih wujud kira-kira 45% yang mempunyai kelemahan.²¹ Sementara itu, ujian yang terakhir pada Januari 2008 mendapati 60% para pelajar tingkatan dua tidak boleh menulis frasa ‘waktu subuh’, lebih 35% tidak boleh menulis ‘pagi hari’

¹⁸ *Ibid*, h.66.

¹⁹ Mohd Jamil bin Haron (2002), “Penggunaan Tulisan Jawi: Satu Kajian di Kalangan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya”, (*Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*), h. 59.

²⁰ *Ibid*, h. 66 – 67.

²¹ Isahak Haron (2008), “Keberkesanan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) Dalam Pengajaran Jawi Peringkat Awal dan Pemulihan” (*Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan*, Universiti Pendidikan Sultan Idris), h. 3.

dan ‘sekolah besar’ dalam abjad Jawi. Berdasarkan peratus yang diperolehi 50% murid tahun empat dan lima sekolah rendah masih tidak mengenal huruf jawi dan seterusnya kelemahan ini terus membawa ke peringkat sekolah menengah.²²

Seterusnya, pengkajian yang difokuskan kepada golongan masyarakat awam juga melibatkan penggunaan tulisan Jawi dalam aktiviti sehari-hari, persepsi masyarakat tentang penggunaan tulisan Jawi yang melibatkan pembolehubah seperti jantina dan taraf perkahwinan. Sebanyak 1200 set soal selidik telah diedarkan dan pengkaji menerima maklum balas sebanyak 996 set.²³ Melihat kepada hasil dapatan yang diperolehi, sebanyak 24.7% responden menggunakan tulisan Jawi dalam penulisan dan 75.3% tidak menggunakan serta dalam aspek pembacaan tulisan Jawi pula sebanyak 41.7% responden membaca tulisan Jawi dan sebanyak 58.3% tidak menggunakan bahan bacaan bertulisan Jawi.²⁴ Dari aspek persepsi responden terhadap tulisan Jawi, mereka berpendapat tulisan Jawi dapat membantu dalam membaca al-Qur'an, perlu mengadakan pertandingan tulisan khat secara besar besaran di peringkat kebangsaan, menggambarkan bangsa Melayu dan sebagainya.

Berdasarkan sorotan penulisan awal di atas, penulis berpendapat pengkajian mengenai tulisan Jawi telah menampakkan penglibatan serius dari individu-individu tertentu. Sebahagian kajian yang dijalankan memfokuskan terhadap aspek sejarah perkembangan tulisan Jawi, kaedah dan bentuk pensistemam, tahap penggunaan dan penguasaan, kecenderungan dan sebagainya. Di samping itu, terdapat beberapa kajian lapangan yang dikhususkan kepada golongan masyarakat, para pelajar mahupun mahasiswa. Berdasarkan aspek-aspek di atas, penulis berpendapat kajian yang dijalankan sebelum ini mempunyai persamaan di antara satu sama lain dan masih terdapat kelompongan yang memerlukan penambahbaikan dan sentuhan idea-idea baru.

Bagi memantapkan dan menutup ruang-ruang kelompongan tersebut, kajian ini merupakan suatu usaha kelangsungan untuk memberi gambaran yang lebih jelas terhadap permasalahan dan perkembangan tulisan Jawi. Set soal selidik dalam kajian ini dirangka dengan menyentuh enam bahagian iaitu a) latar belakang responden, b) pengetahuan mengenai

²² *Ibid*, h. 6.

²³ Zakaria Kasa dan Aminah Ayob (2008), “Penggunaan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat”, (*Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan*, Universiti Pendidikan Sultan Idris), h. 2.

²⁴ *Ibid*, h.4.

tulisan Jawi, c) minat terhadap tulisan Jawi, d) seni khat, e) sistem dan kaedah tulisan Jawi, f) penggunaan tulisan Jawi dan akhir sekali soalan berbentuk subjektif yang memerlukan mahasiswa tersebut menulis kembali tulisan Rumi ke tulisan Jawi. Seterusnya, struktur jawapan yang diberikan adalah bersifat terbuka dan tertutup mengikut kehendak soalan yang diajukan.

Borang soal selidik kajian ini telah diedarkan secara langsung kepada responden di beberapa IPTA di Malaysia yang menawarkan kursus pengajian Islam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) kampus Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA).

Dapatan Kajian

Sebanyak 1000 set borang soal selidik telah diedarkan kepada mahasiswa berkenaan dan sebanyak 800 set borang telah dikembalikan. Daripada 800 set borang tersebut, 7 daripadanya dikategorikan sebagai rosak kerana terdapat masalah teknikal dan jumlah sebenar set borang soal selidik yang terkumpul adalah sebanyak 793. Berikut adalah analisis awal hasil penelitian oleh penyelidik terhadap maklum balas yang diberikan oleh pihak responden.

a) Bahagian A (Maklumat Peribadi)

Mereka terdiri daripada mahasiswa tahap awal, pertengahan dan akhir mengikut jurusan dan jabatan yang berbeza dari empat buah Institusi Pengajian Tinggi Awam. Kebanyakan responden mempunyai latar pendidikan daripada sekolah agama sama ada dari pondok, Sekolah Menengah Agama (SMA), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), dan sebagainya serta menggunakan tulisan Jawi hampir enam tahun.

b) Bahagian B (Pengetahuan Mengenai Tulisan Jawi)

Bahagian ini bertujuan untuk mengetahui aspek sejarah perkembangan tulisan Jawi yang bermula pada zaman awal kedatangan Islam hingga kini. Jawapan yang diberikan oleh responden menunjukkan kurangnya pengetahuan berkaitan sejarah perkembangan tulisan Jawi seperti pertapakan tulisan Jawi di alam Melayu, kitab dan manuskrip Melayu, tokoh-tokoh Jawi, abjab Jawi dan kaedah tulisan Jawi.

Hanya 15% sahaja dari responden yang mampu menjawab soalan tersebut kerana mereka mungkin mempelajarinya di jabatan yang menawarkan subjek berkaitan tulisan Jawi seperti Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya dan Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia berikutan terdapatnya subjek Warisan Islam Di Malaysia (ISEU 2103).

c) Bahagian C (Minat Terhadap Tulisan Jawi)

Hasil yang didapati daripada bahagian ini ialah terdapat segelintir responden yang memberi respon positif terhadap tulisan Jawi dan segelintir lagi kurang meminati. Walaupun mereka mempelajari tulisan Jawi bermula pada awal usia enam tahun dan menganggap tulisan Jawi sungguh mudah, namun minat dan kesungguhannya masih berada pada tahap sederhana. Hal ini kerana mereka tidak mengetahui akan adanya program-program berkaitan tulisan Jawi di Malaysia, tidak pernah melibatkan aktiviti berkaitan tulisan Jawi dan tiada subjek yang khusus berkaitan tulisan Jawi.

d) Bahagian D (Seni Khat)

Seterusnya bahagian ini terdapat respon positif yang diberikan oleh pihak responden kerana mereka berminat untuk menggunakan seni khat yang bermula daripada tadika dan sekolah rendah lagi. Minat mereka ini didorong oleh ahli keluarga, guru dan diri sendiri dan mereka sangat terdedah dengan aktiviti seni khat seperti pertandingan dan bengkel. Di samping itu, pihak responden memilih khat nasakh sebagai tulisan khat yang sering digunakan dan mudah serta tokoh khatat yang dikenali di Malaysia ialah Imad lantaran beliau juga berstatus penghibur.

e) Bahagian E (Sistem dan Kaedah Tulisan Jawi)

Di bahagian ini soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada sistem dan kaedah tulisan Jawi yang meliputi aspek penggunaan abjad vokal, kata serapan Arab, akronim, padanan huruf Jawi dan rumi dan sebagainya. Hasil yang didapati ialah responden kurang memahami kehendak soalan dan menjawabnya sekadar untuk memenuhi permintaan.

Contoh yang amat ketara ialah responden tidak dapat menjawab dengan tepat padanan huruf Jawi dan rumi, penggunaan abjad vokal pada suku kata tertentu, dan tidak dapat membezakan tulisan Jawi terkini dengan tulisan Jawi Za'aba. Hal ini mungkin disebabkan kurangnya pengetahuan mengenai tulisan Jawi dan tiada penekanan khusus terhadap

sistem dan kaedah tulisan Jawi. Malah tidak melampau jika dikatakan dalam kurikulum pengajian Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sendiri tidak menunjukkan betapa pentingnya tulisan Jawi.

f) Bahagian F (Penggunaan Tulisan Jawi)

Bahagian terakhir ini merupakan bahagian yang merupakan tujuan utama kajian ini dijalankan. Berdasarkan jawapan yang diberikan hampir kesemuanya amat berminat untuk menggunakan tulisan Jawi dan berkeinginan untuk memantapkan tahap penulisan Jawi. Namun terdapat beberapa kekangan yang menyebabkan tulisan Jawi kurang digunakan seperti kurangnya sumber bacaan, kekeliruan sistem ejaan, mengambil masa yang lama untuk menulis dan sebagainya. Masalah-masalah tersebut menyebabkan penggunaan tulisan Jawi menjadi terbatas dan ada segelintir responden tidak pernah menggunakan tulisan Jawi di dalam aktiviti sehari-hari.

Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dirumuskan ialah penguasaan tulisan Jawi dan aplikasinya di kalangan mahasiswa pengajian Islam berada pada tahap yang rendah dan data sebenar belum dapat dipastikan lagi. Penyelidik juga menerima komen-komen mengenai set borang soal selidik seperti terlalu banyak soalan, soalan terlalu rumit, jawapan mengelirukan, soalan perlu dibuat di dalam tulisan rumi dan sebagainya. Namun, penyelidik berpendapat komen-komen berkenaan bersifat sederhana kerana permasalahan tersebut berpunca daripada responden sendiri yang tidak dapat menguasai tulisan Jawi sepenuhnya. Jika responden dapat menguasai tulisan Jawi, mungkin masalah ini tidak akan timbul kerana soalan yang dikemukakan adalah berbentuk asas dan tidak bertujuan untuk membebangkan responden. Oleh itu, diharapkan kajian yang sedang dianalisis mampu memperolehi data-data yang tepat dan berjaya mencapai objektifnya.